

D076

U 8426 AAB  
MAHATHIR - KESATUAN

KUALA LUMPUR, 8 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGINGATKAN PARA PEKERJA DI NEGARA INI SUPAYA TIDAK TERPENGARUH DENGAN GALAKAN PARA PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA DI BARAT BAGI MENEGAKKAN KEBEBASAN PARA PEKERJA.

PERDANA MENTERI BERKATA PARA PEMIMPIN BERKENAAN DI BARAT MENGALAKKAN PERJUANGAN KEBEBASAN PEKERJA DI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN HANYA UNTUK MENYEBABKAN TINDAKAN PERUSAHAAN BERLELUASA DI NEGARA-NEGARA ITU, YANG KEMUDIANNYA MENYEBABKAN DAYA BERSAING BARANGAN KELUARAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN JATUH.

TEGASNYA, SIMPATI YANG DITUNJUKKAN OLEH PARA PEMIMPIN ITU KEPADA PARA PEKERJA DI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN, TERMASUK MALAYSIA, SEBENARNYA ADALAH DEMI KEPENTINGAN MEREKA SENDIRI.

SEMASA BERUCAP MERASMIKAN KONVENSYEN PERWAKILAN KONGRES KESATUAN PEKERJA-PEKERJA DI DALAM PERKHIDMATAN AWAM (CUEPACS) DI SINI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KESATUAN SEKERJA DI BARAT SENGAJA MAHUKAN KESATUAN DI SINI BERTINDAK MELULU, MENGADAKAN MOGOK DAN TINDAKAN PERUSAHAAN YANG LAIN.

OLEH KERANA INGINKAN KEHARMONIAN PERUSAHAAN TERGANGGU, PARA PEHIMPIN KESATUAN DI BARAT SENGAJA BERCAKAP MENGENAI KEBEBASAN, MERAPATKAN DIRI DENGAN PARA PEMIMPIN KESATUAN DI NEGARA MEMBANGUN DAN JUGA MEMBERI BANTUAN KEWANGAN, KATANYA. -- LAGI  
1354MST 08 07 89

D082

U B431 AAB  
MAHATHIR - KESATUAN 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA PARA PEMIMPIN KESATUAN DI BARAT AMAT SUKA SEKIRANYA KEBEBASAN ITU MEMBAWA KEPADA TINDAKAN PERUSAHAAN DI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN.

BELIAU BERKATA SEKIRANYA PARA PEMIMPIN ITU BENAR-BENAR BERSIMPATI TERHADAP PARA PEKERJA DI SINI, MEREKA SEHARUSNYA MENOLONG MENJAYAKAN PEMASARAN BARANG-BARANG MALAYSIA DI NEGARA-NEGARA KAYA.

TETAPI, SEBALIKNYA MEREKALAH YANG MENDESAK SUPAYA DIKENAKAN SEKATAN TERHADAP BARANG-BARANG NEGARA INI DAN KEMUDAHAN SISTEM KEUTAMAAN AM (GSP) DITARIK BALIK, KATA PERDANA MENTERI MERUJUK KEPADA PETISYEN PERSEKUTUAN BURUH AMERIKA-KONGRES PERTUBUHAN PERINDUSTRIAN (AFL-CIO) TERHADAP MALAYSIA TAHUN LEPAS.

+APAKAH MAKNANYA KEBEBASAN SEKIRANYA JIKA TIDAK ADA HASIL YANG BAIK DARIPADANYA?+ TANYA DATUK SERI DR MAHATHIR.

BELIAU MENEGASKAN KERAJAAN PERCAYA DENGAN KEBEBASAN PEKERJA, TETAPI BUKAN KEBEBASAN YANG MEMBINASAKAN DIRI SENDIRI ATAU UNTUK MENOLONG NEGARA YANG SUDAH MEWAH. -- LAGI  
1411MST 08 07 89

0085

u B434 AAB

MAHATHIR - KESATUAN 3 KUALA LUMPUR

SEHUBUNGAN **ITU**, **PERDANA** MENTERI MENYARANKAN SUPAYA KESATUAN SEKERJA **DI** NEGARA **INI MEMAINKAN** PERANAN YANG LEBIH BERKESAN UNTUK MENGGALAKKAN PERTUMBUHAN EKONOMI.

+MUNGKIN SUDAH TIBA MASANYA UNTUK **KITA MEMIKIRKAN** SEMULA MENGENAI KESATUAN-KESATUAN SEKERJA DAN PERANANNYA SEBAGAI PELINDUNG DAN **ALAT** KEBAJIKAN **PARA PEKERJA**,+ KATANYA.

DATUK SERI **DR** MAHATHIR BERKATA KERAJAAN BERPENDAPAT BAHAWA NASIB **PARA** PEKERJA DAN PENGANGGUR HANYA BOLEH DIBAIKI DENGAN ADANYA PERTUMBUHAN EKONOMI YANG PESAT DAN BUKANNYA SECARA KONFRANTASI DAN MENDESAK SESUATU DARXPADA MAJIKAN.

**BAGI** TUJUAN **ITU**, KERAJAAN AKAN MEMBERI GALAKAN KEPADA **PARA** PELABUR, MANAKALA **PARA** PEKERJA DAN KESATUAN **PULA** **PERLU** BEKERJA KERAS DAN MENINGKATKAN LAGI PENGELUARAN.

**PERDANA** MENTERI MEMBERIKAN CONTOH KOREA **SELATAN**, **TAIWAN**, HONG KONG DAN **SINGAPURA**, YANG DAHULUNYA GAJI **PARA** PEKERJANYA ADALAH **RENDAH** DARIPADA **PARA** PEKERJA **DI** MALAYSIA<sup>9</sup> TETAPI GAJI MEREKA SEKARANG SUDAH TIGA KALI LEBIH TINGGI. -- **LAGI**

1421MST 08 07 a9

0086

U B435 AAB

MAHATHIR - KESATUAN 4 KUALA LUMPUR

**PERDANA** MENTERI **JUGA** BERKATA DALAM USAHA KERAJAAN MENGGALAKKAN **PELABURAN**, KERAJAAN TIDAK AKAN MEMBELAKANGKAN PEKERJA.

BELIAU MENAMBAH **KATA** **SEKIRANYA** KERAJAAN MELAYAN MAJIKAN DAN PELABUR ; SEBENARNYA LANGKAH ITU ADALAH KERANA IA MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN PEKERJA DAN PENGWUJUDAN. PELUANG PEKERJAAN.

KETIKA DITANYA OLEH **PARA** PEMBERITA **SAMA** ADA PINDAAN UNDANG-UNDANG AKAN DIBUAT UNTUK MENJELASKAN PERANAN KESATUAN SEPERTI YANG DIKEHENDAKI OLEH **KERAJAAN**, **BELIAU** BERKATA LANGKAH BERKENAAN TIDAK PERLU.

SEBALIKNYA, BELIAU BERHARAP **PARA** PEMIMPIN KESATUAN SENDIRI MEMAHAMI AKAN MATLAMAT KERAJAAN YANG **INGIN** MENINGKATKAN TARAF **HIDUP** **PARA** PEKERJANYA.

DALAM **UCAPANNYA**, **PERDANA** MENTERI TELAH BERCAKAP DENGAN PANJANG LEBAR MENGENAI BEBERAPA SISTEM **EKONOMI**, DAN MENEGASKAN KEBAIKAN **SISTEM** PERUSAHAAN BEBAS.

KONVENSYEN CUEPACS ITU AKAN BERLANGSUNG HINGGA ISNIN **INI**. KIRA-KIRA 560 ANGGOTA PERWAKILAN DARIPADA 54 **BADAN** GABUNGAN KONGRES ITU AKAN MENYEMAK **AKTIVITI-AKTIVITINYA** DALAM TEMPOH TIGA TAHUN LEPAS. -- BERNAMA.

1445MST 08 07 a9

0487